

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL



Lukanisman beramah mesra bersama pengunjung pada Program Walkabout Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAS) Peringkat Negeri Kelantan 2024 di Kota Bharu, semalam.
 (Foto BERNAMA)

KKM harap akta kawalan rokok dilulus Oktober ini

Kota Bharu: Kementerian Kesihatan (KKM) berharap Jabatan Peguam Negara (ACG) dapat meluluskan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (Akta 852) pada Oktober ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni, berkata Akta 852 telah diwartakan pada Februari lalu, tetapi belum dikuatkuasakan walaupun pada mulanya diumumkan akan dilaksanakan pada Jun dan kemudian ditangguhan pada Ogos.

"Pelaksanaan akta ini dijangka mengenakan syarat lebih ketat terhadap peniaga rokok dan vape termasuk larangan memperkenalkan produk berkenaan secara terbuka di premis perniagaan."

"Persekitaran yang bebas tanpa amalan merokok amatlah penting dalam mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas rokok pada tahun 2040," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Walkabout Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAS) Peringkat Negeri Kelantan 2024 semalam.

Terdahulu, sebanyak 12 premis makanan menerima tanda pengiktirafan keselamatan dan kebersihan makanan.

Dalam pada itu, Lukanisman berkata, setakat ini penguatuasaan larangan merokok di tempat larangan masih lagi berjalan tanpa henti dengan akta yang sedia ada.

Dalam perkembangan sama,

beliau berkata sebanyak 12,022 operasi pematuhan kepada larangan merokok di tempat larangan sudah dilaksanakan di seluruh negara sejak Januari hingga Ogos lalu.

"Dalam tempoh itu juga, sebanyak 86,402 notis kesalahan di bawah Peraturan 11 (1), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 dikeluarkan manakala sebanyak 35,996 notis kesalahan di bawah Peraturan 11 (1) (d), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 turut dikeluarkan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Lukanisman berkata, petugas kesihatan dan semua klinik di seluruh negara sudah berada dalam keadaan bersiapsiaga untuk berdepan dengan kes jangkitan cacar monyet atau Mpox.

Setakat ini kes Mpox masih lagi terkawal dan belum menjadi satu wabak, katanya.

Bagaimanapun, KKM akan tetap memberi perhatian terutama kepada golongan berisiko yang mungkin melakukan aktiviti yang kurang sihat atau berisiko sehingga menjangkiti individu lain.

Media sebelum ini melaporkan, KKM mengesan satu kes positif cacar monyet atau MPox varian Clade II di negara ini pada 16 September lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata kes berkenaan dikesan daripada 58 kes disyaki Mpox yang sudah dirujuk kepada KKM sepanjang tahun ini.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

Akta kawalan produk merokok dikuat kuasa Oktober ini

KOTA BHARU – Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesehatan Awam 2023 (Akta 852) dijangka dikuatkuasakan pada Oktober ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, penguatkuasaan itu dijalankan sebaik saja peraturan dan perintah berkaitan akta tersebut diwartakan.

"Kita telah menguatkuasakan Akta 852. Terbaru, kita sedang menunggu Jabatan Peguam Negara (AGC) memberi maklum balas berhubung perkara itu.

"Kita jangka undang-undang itu akan mendapat maklum balas pada Oktober ini sebelum penguatkuasaannya dapat dilaksanakan segera," katanya ketika ditemui selepas Program Walkabout Premis Bersih, Bebas Asap (BeBas) Peringkat Negeri Kelantan 2024 di Medan Selera Laman Siti Khadijah, di sini semalam.

Sebanyak 12 premis makanan menerima tanda pengiktirafan keselamatan dan keber-

sihan makanan pada program tersebut.

Dalam pada itu, Lukanisman memberitahu, penguatkuasaan larangan merokok di tempat larangan masih lagi berjalan tanpa henti dengan akta yang sedia ada.

Katanya, sehubungan itu, sebanyak 12,022 operasi pematuhan kepada larangan merokok di tempat larangan telah dilaksanakan di seluruh negara sejak Januari sehingga Ogos lalu.

"Dalam tempoh itu, sebanyak 86,402 notis kesalahan di bawah Peraturan 11 (1), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 telah dikeluarkan.

"Sebanyak 35,996 notis kesalahan di bawah Peraturan 11 (1) (d), PPKHT 2004 turut dikeluarkan," ujarnya.

Tambah Lukanisman, sebanyak 8,762 aduan diterima berkaitan kesalahan merokok di premis makanan bagi tempoh lapan bulan sepanjang tahun ini.

+

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

SINAR AHAD | 22 SEPTEMBER 2024

Periksa suhu badan, saring jika ada simptom

KKM pertingkat saringan di semua pintu masuk elak penularan Mpox

KOTA BHARU

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempertingkatkan kawalan saringan setiap individu di semua pintu masuk sempadan negara bagi mengekang penularan Mpox atau cacar monyet.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, usaha berkenaan dilakukan berikutnya satu kes melibatkan seorang lelaki dikenal pasti dijangkiti Mpox.

Jelas beliau, saringan dilakukan mengikut prosedur termasuk memeriksa suhu badan dan mereka yang disyaki mengalami simptom Mpox akan dibawa untuk menjalani saringan serta pemeriksaan selanjutnya.

"KKM juga turut mengutamakan kesihatan petugas kesihatan dan akan mengeluarkan kenyataan berhubung vaksin bagi mengekang jangkitan."

"Setakat ini jangkitan berkenaan masih terkawal dan belum menjadi satu wabak besar, namun KKM memberikan perhatian terutamanya golongan berisiko," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Walkabout Premis Bersih, Bebas Asap



LUKANISMAN

Peringkat Negeri Kelantan di Laman Siti Khadijah, Jalan Buluh Kubu di sini pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Lukanisman berkata, KKM telah memberi garis panduan cara Mpox boleh menjangkiti kumpulan berisiko jika ada simptom.

"KKM bersedia menghadapi masalah Mpox ini dan kita juga sudah memaklumkan kepada semua klinik kesihatan di seluruh negara," katanya.

Beliau meminta masyarakat agar berwaspada memandangkan Mpox datang dari luar negara akibat aktiviti berisiko atau bersosial dengan kumpulan melakukan aktiviti kurang sihat atau mereka yang sudah dijangkiti.- Bernama